

RIWAYAT HIDUP ULAMA' ISLAM YANG KEBILANGAN

AL-IMAM AL-BUKHĀRĪ

AHLI HADIS YANG MENJADI KEMEGAHAN UMAT ISLAM

[Pada kali ini, kita sajikan sesudah dari riwayat hidup Imam Bukhārī, ahli hadis yang masyhur yang sangat-sangat besar jasanya dalam mengumpul dan menyusun hadis-hadis Rasulullah (SAW) yang sahih dan pilihan – pengarang Qalam.]

Pergerakan ilmu pengetahuan dalam zaman kerajaan 'Abāsiyyah yang pertama. Umat Islam pada zaman ini telah melangkah suatu langkah yang baharu dalam lapangan pemerasan akal, dan kemajuan ilmu pengetahuan. Adanya yang demikian ialah natijah yang lazim kerana perdiriannya di atas sunnah Islam yang menghendaki diperkekalkan menuntut ilmu dan hikmah, dan mempelajari tiap-tiap kepandaian dan pertukangan yang berfaedah, walau pun dengan jalan mengambilnya daripada umat-umat asing yang tidak seagama dengan kita. Orang-orang Islam setelah berjaya membuka negeri-negeri baharu dalam peringkat yang pertama telah bergesel-geselan dengan bangsa-bangsa asing yang banyak ilmu pengetahuan dan bertam dun, lalu mereka mengambilnya daripada bangsa-bangsa itu dan menambahnya dengan usaha dan tenaga mereka sendiri.

Zaman ini (zaman kerajaan 'Abāsiyyah yang pertama) ialah zaman kemajuan ilmu pengetahuan. Umat Islam pada ketika itu sedia menerima dan mengkhata apa-apa jua yang dipandang elok oleh tabiat manusia yang bercita-cita kepada kesempurnaan, yang bersesuaian dengan hajat-hajat tuntutan.

Dengan kemajuan, manusia akan tetap tenang kepada perkara

yang terlebih baik dan menggemarinya dengan segenap kekuatan akal, perasaan hati dan kehendak yang ada kepadanya.

Undang-undang am bagi tingkatan akal manusia dalam kemajuan adalah satu jiwa sekalipun berlainan dalam pecahannya. Apabila jalan-jalan dan langkah-langkahnya bersatu maka sudah tentu natijah-natijahnya akan bersatu pula. Oleh itu maka tamadun bangsa Greek ialah salah satu dari cara-cara kemajuan yang telah terbit pada zaman dahulu disebabkan pergeselan orang Greek dengan bangsa-bangsa lain. Mereka telah berhubung dengan bandar-bandardi Benua Asia dan ahli-ahli falsafah mereka telah berhubung dengan Mesir, daripada perhubungan-perhubungan yang tersebut dapatlah mereka mengambil ilmu-ilmu yang berguna dan sesuai dengan cara hidup mereka. Sikap mereka menerima dan menghadam tiap-tiap perkara yang sesuai dengan hajat tuntutan mereka, baik dari ciptaan mereka sendiri atau ciptaan orang asingitulah yang menerbitkan tamadun mereka. Demikian juga tamadun orang Rom iaitu hasil perhubungan mereka dengan orang Greek tua dan lain-lain bangsa iaitu mereka menerima ilmu kepandaian orang asing dan menghadamnya apabila mereka memandangnya baik dan berfaedah.

Kebangkitan ilmu pengetahuan orang-orang islam telah terbit dari dua punca, pertama dari punca agama semata-mata

yang telah timbul dari zaman Nabi hingga zaman Bani Umayyah.

Yang kedua berpunca dari ilmu pengetahuan yang diamalkan yang telah mulai timbul dari awal zaman kerajaan 'Abāsiyyah dalam kurun hijrah yang kedua. Sebenarnya kedua-duanya ditimbulkan oleh Islam sendiri. Oleh itu kita dapat melihat pada zaman 'Abāsiyyah ilmu pengetahuan dan falsafah diterjemahkan daripada bahasa Greek, Parsi dan India. Disampingnya pula dikafirkan kandungan agama-agama Yahudi, Nasrani, Majusi, dan lainnya. Dalam zaman Bani Umayyah, seruan agama telah berpindah daripada menarik kepada mempertahankan keadaan ilmu dan kesan-kesannya kepada bacaan ilmu al-Kalam di dalam zaman kerajaan 'Abāsiyyah. Tafsir al-Quran, tafsir al-Hadis, dan perundangan telah dipengaruhi falsafah yang terbina di atas mantik.

Al-Dhahabī berkata: Pada tahun 43; H. ulama Islam pada zaman itu telah mulai mengumpul dan menyusun kitab-kitab hadis, fiqh, dan tafsir. Ibnu Jarīj telah mengarang di Mekah, Imam Mālik telah menyusun kitab hadisnya *al-Muwattā'* di Madinah, al-Awzā'ī di negeri Syam, Ibn Abī 'Arūbah, Ḥamād Bin Salamah dan lain-lainnya di Basrah, Ma'mar di Yaman, Sufiyan al-Thawri di al-Kufah, Ibn Ishāq pula telah mengarang berkenaan riwayat-riwayat peperangan Islam (*al-Maghāzī*), Abū Ḥanīfah telah mengarang di dalam fiqh dan *al-Ra'ī*, tidak berapa lama daripada itu Hashīm, al-Layth bin Sa'ad, Ibnu Lahī'ah, Ibnu al-Mubārak, Abū Yūsuf dan Ibnu Wahab, masing-masing telah mengarang. Usaha karang mengarang membukukan ilmu pengetahuan dan menyusun dengan bab-babnya telah bertambah besar. Demikian pula penyusunan kitab-kitab bahasa Arab dan Tawarikh sebelum zaman itu alim ulama hanya bersyarah menurut apa yang mereka telah hafaz semata-mata, ataupun mereka riwayatkan daripada kitab-kitab yang sahih tetapi tidak bersusun rapi - (*Tarīkh al-Khulafā'*: karangan al-Sayūfī muka 101).

Di dalam kitab *al-Muwattā'* ada disebutkan bahawa Khalifah 'Umar Bin 'Abd al-Azīz telah menulis kepada Abū Bakr Ibn

Penggal keempat

Hampir siap!



Senaskhah \$1.20 – Pos 10 Sen.

Pintalah kepada:

QALAM

356 & 358 Geylang Road,
SINGAPORE, 14.

Muḥammad Ibn 'Amrū Ibn Ḥazm katanya: periksalah hadis-hadis Nabi dan tuliskanlah dia, kerana aku takut akan kehilangan ilmu dan kehilangan alim ulama' bersama. Diperintahkan juga supaya dia menuliskan baginya hadis-hadis yang ada kepada 'Amrah Binti 'Abdul Rahman al-Anshariah dan al-Qasim Bin Muhammad Bin Abu Bakar (al-Siddiq).

Dalam kitab *Tarīkh Aṣbahān*, Abū Na'im menerangkan bahawa 'Umar Ibn 'Abd al-Azīz telah menulis kepada wilayah-wilayah Islam, katanya: periksa dan kumpulkanlah hadis-hadis Rasulullah (SAW).

Keadaan umat Islam dalam masa Khalifah 'Umar Ibn 'Abd al-Azīz mengeluarkan seruannya sedang melalui peringkat memperbahaskan masalah-masalah kecil yang bertaburan, maka sudah tentu seruannya itu membawa mereka memasuki peringkat yang lain pula: peringkat menyusun dan membukukan ilmu-ilmu pengetahuan serta memperbeza-bezakannya antara satu dengan lain seperti yang telah

diterangkan oleh al-Dhahabī, dan ditulis oleh al-Sayūfī di dalam kitab *Tarīkh Khulafā'*. Dalam zaman kerajaan 'Abāsiyyah kelihatan nyata kemajuan umat Islam dalam mengumpul dan menyusun ilmu hadis, sebaik-baik sahaja timbul kurun hijrah yang ketiga, kemajuan *alim ulama'* Islam dalam lapangan itu telah bertambah bukan sahaja dalam mengumpul dan menyusun bahkan dalam lapangan mengupas dan memilih hadis-hadis yang sahih daripada hadis yang dusta yang diada-adakan oleh musuh Islam, yang menjadi musuh dalam selimut itu.

Dalam kurun itu al-Bukhārī (wafat 256 H) telah mulai menyusun kitab hadisnya "*al-Jāma' al-Ṣaḥīḥ*", lalu ditunda oleh Muslim (wafat 261 H) menyusun kitab hadisnya "*al-Jāma' al-Ṣaḥīḥ*". Dalam kurun itu juga Ibnu Mājah (wafat 273 H) menyusun kitab hadisnya "*al-Sunan*", Abū Dāwūd (wafat 273 H) menyusun kitab hadisnya "*Sunan*"nya, al-Tirmidhī (wafat 279) menyusun kitab "*Jāmi'*"nya, dan al-Nasā'ī (wafat 303) menyusun kitabnya "*al-Sunan*". Kitab-kitab hadis yang tersebut terkenal kepada orang Islam dengan nama "*al-Kitab al-Sittah*" (kitab-kitab hadis yang enam), yang diiktiraf mengandungi hadis-hadis yang sahih. Lepas itu baharu datang giliran kitab hadis "*Musnad Ahmad*" (wafatnya 241). Ahli-ahli hadis, meletakkan kitab-kitab sahih al-Bukhārī dan Muslim pada peringkat yang pertama sekali.

Al-Bukhārī:

Nama penuhnya, Muḥammad Ibn Ismā'īl Ibn Ibrāhīm Ibn al-Mughīrah Ibn Bardidhbah. (Kalimah "Bardidhbah" berasal daripada bahasa Parsi, maknanya: pekebun). Datuk neneknya berasal daripada orang Parsi yang beragama Majusi. Al-Mughīrah ialah moyangnya yang pertama sekali memeluk Islam melalui tangan al-Yamān al-Ju'fī seorang ketua Arab yang terkenal. Itulah sebabnya al-Bukhārī bergelar dengan gelaran "al-Ju'fī": Muḥammad Ibn Ismā'īl Abū 'Abd Allāh al-Ju'fī.

Ahli-ahli Tarikh Islam sekata bahawa Imam al-Bukhārī telah diperanakkan lepas sembahyang Jumaat (13 Syawal 194 H) dan telah wafat pada malam Ahad (waktu Isyak) lalu dikebumikan pada malam hari Raya Aidilfitri tahun 256 H dalam usia 62 tahun kurang 13 hari. Ia telah dikebumikan di Khartank sebuah Qariah yang terletak kira-kira dua batu daripada bandar Samarkand.

Ayah Imam al-Bukhārī sendiri seorang ahli hadis juga yang telah wafat dalam masa al-Bukhārī masih kanak-kanak dengan meninggalkan harta yang banyak. Al-Bukhārī telah besar dalam pemeliharaan ibunya lalu diserahkan mengaji. Apabila ia berumur sepuluh tahun iapun mulai menghafaz hadis di dalam kitab-kitab Ibn al-Mubarak dan Waki' – Dua orang ahli hadis yang masyhur.

Di dalam kitab "*Ṭabaqāt al-Shāfi'iyah*" dan kitab *al-Khaṭīb al-Baghdādī* ada disebutkan bahawa al-Bukhārī dalam masa kecilnya telah hafaz lebih tujuh puluh ribu hadis. Tiada ia menyebut sebuah hadis yang diriwayatkan daripada sahabat atau tabi'in melainkan tahu akan hari diperanakkan kebanyakan mereka dan hari wafat serta tempat tinggal mereka.

Al-Bukhārī pernah menyebut hal dirinya – seperti yang tersunting di dalam kitab *Tarikh Abū al-Fidā'*: "Aku telah diilhamkan menghafaz akan hadis-hadis dalam masa aku berumur sepuluh tahun, apabila aku berumur delapan belas tahun, aku pun menyusun perkara-perkara yang telah dijalankan hukumnya oleh sahabat-sahabat dan tabi'in serta kata-kata mereka, dan aku juga telah mengarang kitab tarikh disisi kubur Rasulullah *ṣallā Allāh 'alaihi wa sallam.*"

Di dalam mengumpul hadis, al-Bukhārī telah melangkah dengan suatu langkah yang baharu. Misalnya Imam Mālik kedatangan mengumpul hadis-hadis daripada ahli-ahli hadis negeri Hijjaz terutama penduduk Madinah, Ibnu Juraij pula mengumpul

hadis daripada ahli-ahli hadis negeri Hijjaz terutama penduduk Mekah, tetapi al-Bukhārī telah meluaskan lingkungan ini, dan telah menjadi contoh tauladan kepada ahli-ahli hadis yang datang kemudian daripadanya iaitu dengan mengembara dari sebuah negeri kerana mencari hadis dan berjumpa dengan ahli hadis itu sendiri, setelah ia mendengar hadis-hadis di negeri iapun pergi ke Balaghlahu, mendengar syarahan ahli-ahli hadis di sana. Kemudian ia pergi ke Meru, Naysabur, Rayy, Baghdad, Basrah, Kufah, Mekah, Madinah, Mesir, Damsyik, Qisariyyah, ‘Asqalandan Hamas di negeri Syam. Dengan jalan ini ia telah meletakkan suatu dasar dalam mengumpulkan hadis iaitu dikumpulkannya hadis-hadis yang bertaburan merata-rata negeri-negeri Islam.

Ia telah mengambil masa lima belas tahun dalam pengembaraannya tu dengan mengalami berbagai-bagai kesukaran yang tidak tertanggung akan dia melainkan orang-orang yang sabar. Setelah berjaya mencapai hajatnya (mengumpulkan hadis-hadis daripada ahli-ahlinya) maka ia pun kembali ke tanah airnya lalu wafat pada tahun hijrah 256.

Dalam pengumpulan hadis, ia telah melangkah suatu langkah lagi yang sangat besar kesannya, iaitu usahanya yang bersungguh-sungguh pada membezakan hadis-hadis yang sahih daripada hadis-hadis yang lainnya. Sedang penyusunan-penyusunan kitab sebelum itu tidak mengambil berat tentang maudu’ tersebut seperti usaha bersungguh-sungguh yang dicurahkan oleh al-Bukhārī. Biasanya sebelum itu seorang ahli hadis mengumpulkan hadis yang sampai kepadanya, dengan tidak menyelidik perihal rawinya dan setakat mana kepercayaan pembaca dan pendengar akan dia, sehinggalah kitab “*al-Muwattā’*” telah dikecam (dikritik) oleh sebilangan besar ahli-ahli hadis dari segi ini.

Usaha ini – yakni mengetahui hadis yang sahih dan hadis yang daif – adalah berkehendak kepada usaha yang bersungguh-sungguh dan bersusah payah mengerjakannya. Misalnya

berkehendakkan kepada pengetahuan yang luas berkenaan riwayat hidup rawi-rawi hadis, supaya jelas diketahui adakah si rawi itu dapat berjumpa dengan orang yang ia riwayatkan hadis daripadanya. Dikehendaki pula mengetahui dengan halusnyanya akan rawi-rawi dari zaman al-Bukhārī hingga zaman sahabat, iaitu sekadar mana benarnya dan kepercayaan orang kepadanya serta kuat hafazan, dan siapa di antara mereka yang benar lagi kepercayaan dan siapa pula yang terlindung hal keadaan, siapa pula di antara mereka yang dusta dan siapa pula yang benar “yang boleh diterima seruannya tetapi tidak boleh diterima riwayatnya”, begitu pula dikehendaki membandingkan hadis-hadis yang diriwayatkan dari wilayah-wilayah Islam yang berlainan itu dan di antara perselisihan dan muafakatnya serta cacat yang terdapat padanya. Demikian pula dikehendaki mengetahui mazhab rawi-rawi hadis itu, iaitu adakah ia daripada mazhab *Khawārij* atau *Mu’tazilah* atau *Marji’iyyah* atau *Shi’ah* atau lainnya, supaya jelas setakat mana cenderung seorang rawi kerana dipengaruhi oleh mazhabnya kepada meriwayatkan hadis yang tidak sahih atau menggunakan takwil yang tidak betul, sedang hadis-hadis yang diriwayatkan itu terlalu samar dan sukar hendak menentukannya, disebabkan kebanyakannya berhubung dengan niat dan kandungan hati kerana beberapa banyak perkara batin yang tidak mempunyai perkara zahir, dan berapa banyak orang-orang yang membuat-buat seolah-olah ia orang yang taqwa dan soleh, pada hal itu hanya sebagai senjatanya sahaja, dan seterusnya. –*ḍuhā al-Islām Jaza’* yang kedua

Bersambung

* *

(Di dalam bilangan akan datang akan dihuraikan tentang kitab “*al-jāmi’ al-ṣaḥīḥ*” kitab hadis yang mashyur dan utama – P. Q)

-Sambungan dari muka 9

menjadi satu kehormatan baginya?

Penghormatan dan Kecintaan

Pertanyaan ini dapat dijawab sebagai berikut:

Menghormati Nabi memang satu kebaikan. Bahkan tidak sahaja kita diperintah mencintainya lebih daripada diri kita dan harta kita, tetapi harus dengan penghormatan dan kecintaan menurut sebagaimana yang diperintah oleh Allah dan oleh Nabi sendiri. Bukan penghormatan sebagai seorang soldadu terhadap operanya, atau pedagang terhadap pembelinya, atua sebagai penghormatan satu bangsa terhadap lagunya dan benderanya. Juga mencintai Nabi itu bukanlah sebagai si buyung mencintai si upik, atau mas kertu mencintai burung perkututnya, atau seperti bang dol mencintai ayam jaguhnya. Sekali-kali bukan seperti itu cara mencintai dan menghormati Nabi, mencintai dan menghormati Nabi ialah mengerjakan perintah Allah dan Rasulnya, dan menjauhkan larangan keduanya.

Bagaimanakah dinamakan menghormati Nabi, kalau dalam peringatan Maulid Nabi itu dicampur dengan syirik dan maksiat? bukan pahala yang akan didapati tetapi kutukan Allah dan kemurkaan Nabi.

Lagi pula cara-cara menghormati nabi itu tidaklah dapat kita buat-buat sendiri, kerana baginda sendiri ada mengatakan di dalam hadisnya:

“la Tatrūnī kamā aṭartu al-Naṣārī ‘Isā ibni Maryam fainnamā anā ‘abdi faqūlū ‘abdi Allāh warasūlih.” (H.R al-Bukhārī).

“Janganlah kamu muliakan daku sebagaimana kaum Nasari muliakan Isa anak Maryam. Aku hanya seorang hamba. Maka katakanlah kepadaku “hamba Allah dan Rasul-Nya”.

Maksud hadis ini, iaitu janganlah kita

memuliakan Nabi berlebih-lebihan seperti menganggap Nabi berkuasa seperti tuhan, boleh memberikan segala apa yang kita minta.

Sebab yang demikian ini boleh membawa kepada syirik.

Bukan Suruhan Agama

Terang dan nyatalah, bahawa peringatan Maulid nabi itu, bukanlah dari suruhan agama, sebab kalau dari suruhan agama, tidaklah sahabat-sahabat Nabi ketinggalan mengerjakannya. Begitu juga Imam-imam yang empat. Dari sini dapat kita megetahui, bahawa peringatan maulid nabi itu diadakan orang sesudah mereka itu.

Bilakah diadakan peringatan *Mawlid* nabi? dan kerana apa diadakan? atau dengan lain pertanyaan: mengapakah Maulid nabi diperingati?

Jawapannya: menurut penyelidikan yang diakui kebenaran oleh ahli-ahli sejarah, bahawa peringatan maulid nabi yang diadakan orang pada tiap-tiap bulan *Rabī‘ul Awal* itu mula pertama orang yang mengadakannya ialah al-Malik al-Mu‘azzam Muẓaffār al-Dīn Abū Sa‘īd Kawkabī Ibn Abī al-Ḥassan ‘Alī Ibn Baktīn, raja bagi sebuah kerajaan kecil di Irbal di dalam wilayah Mausil (Iraq) di bawah naungan Sultan Ṣalāh al-Dīn al-Ayyūbī pada abad ketujuh hijrah.

Berdasarkan catitan sejarah ini, teranglah bahawa peringatan maulid nabi diadakan orang yang sesudah enam ratus tahun lebih daripada wafatnya Nabi (SAW). Jadi tidak dialami oleh sahabat-sahabat nabi dan imam-imam yang empat, apalagi mereka yang mengerjakannya.

Apa sebabnya diadakan peringatan mawlid?

Sekarang marilah kita jawab pertanyaan kedua, iaitu kerana apakah diadakan peringatan maulid itu?

Suasana pada masa itu adalah suasana peperangan antara Islam dengan Kristian (kaum Salib) dan lain-lainnya. Jua kaum Muslimin perlu diberi semangat berani, hidup

berkorban, mulia dan terhormat, tidak ada contoh tauladan yang lebih diterima oleh kaum muslimin seluruh dunia lebih daripada diri Nabi Muhammad (SAW). Oleh kerana itu, perjuangan Nabi Muhammad (SAW) mengembangkan agama Islam dan mempertahankan dari segala serangan musuh, harus dijadikan pedoman besar oleh kaum muslimin.

Mereka mengadakan peringatan Maulid Nabi itu, bukanlah kerana hendak mencari pahala yang memang sudah nyata tidak ada keterangannya. Tetapi mereka hendak mengembalikan ingatan umat kepada sejarah Nabi yang penuh mengandungi contoh tauladan yang suci murni, jujur dan adil.

Kemudian adat peringatan itu diturut oleh negeri-negeri Islam lainnya. Bahkan di beberapa negeri, kaum muslimin menggunakan kesempatan itu, untuk mengembalikan semangat Islam supaya kaum muslimin kembali berjalan menurut pedoman agamanya.

Seperti di India umpamanya, mereka mengadakan peringatan itu untuk tujuan “menghidupkan seruan Islam” atau “*Ihyā’ Da’wat al-Islām*”, kerana ketika itu adalah saat yang terbaik bagi mendakwahkan kepada umum. Maka ketika itu, dibuatlah beratus siaran penting, yang berisi karangan dari pujangga-pujangga Islam yang kenamaan. Seperti pada tahun 1351 H, mereka membawa karangan dari al-Sayyid Muhammad Rashīd Riḍā, pengarang majalah dan tafsir “*al-Manār*” di Mesir.

Supaya Menjadi Contoh Tauladan

Pendeknya, memperingati hari lahir seorang besar itu, janganlah hanya sekadar memperingati sahaja, tetapi haruslah kita mencontohi segala pekerjaan terutama yang sangat kita perlukan bagi mencapai kebahagiaan dan kesejahteraan di dalam perjuangan hidup kita.

Contoh yang besar pada diri Nabi (SAW) itu sebagai seorang besar dan pemimpin iaitu tidak berdusta, walaupun dengan dusta itu beliau boleh menarik keuntungan sebanyak-banyaknya dari manusia beliau tidak pernah khianat, walau

pun yang paling kecil. Dua sifat ini dapat kita tiru dan kita jadikan tauladan, dan kita anjurkan supaya kaum muslimin jangan berdusta dan jangan khianat kepada Tuhan, kepada Nabinya, kepada manusia dan kepada diri sendiri.

Dusta dan khianat itu kalau sudah dijadikan pakaian biasa oleh sesuatu bangsa, alamat bangsa itu akan kalut (kusut) dan kacau. Kalau sudah kalut dan kacau, tidaklah dapat diharap mereka mengadakan pembangunan apalagi pembangunan budi pekerti walaupun yang sekecil-kecilnya.

Demikianlah asal mula orang mengadakan peringatan Maulid Nabi pada tiap-tiap 12 *Rabi’ul Awal*, bukan kerana hendak mencari pahala, tetapi kerana hendak mengembalikan ingatan umat Islam kepada perjuangan Nabinya yang penuh mengandungi tauladan yang baik-baik, untuk mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

SURAT AKUAN

Saya H. M. D. al-Ahmadi,
146 Pasir Mas, Kelantan mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi dan berbilang-banyak terima kasih kepada Tuan Tabib yang tersebut di bawah ini kerana menyembuhkan penyakit buasir yang saya telah hidapi selama lebih kurang 25 tahun. Buasir saya telah digugurkan dengan tak payah dipotong dan tidak berasa sakit dalam tempoh 12 hari sahaja. Yang demikian saya syorkan kepada saudara-saudara sekalian yang ada menghidapi penyakit ini, silalah datang berjumpa dengan segera kepada tabib tersebut, Insyaallah akan memuaskan. Yang benar
H. M. D. al-Ahmadi



30 . 11 . 54

**TABIB H. G. MUSTAFFA,
PUNJAB MEDICAL HALL,**

280, Victoria Street, SINGAPORE 7. Tel. 80444